

Jumaat, 17 April 2020 | 11:52pm



Rosol (empat dari kanan) melawat dan meraikan petugas secara kecil-kecilan di ECC, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, petang tadi. - NSTP/FOTO IHSAN KPDNHEP

## **COVID-19: Hari Penguat Kuasa Ke-48 KPDNHEP disambut hari ini**

**PUTRAJAYA:** Sambutan Hari Penguat Kuasa Ke-48 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), hari ini, tidak dapat diraikan dengan meriah seperti tahun sebelum ini.

Ia berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Ketiga bagi menekang penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Namun, 'kesuraman' itu terubat apabila Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid, mengambil inisiatif meraikan petugas di Bahagian Penguat Kuasa kementerian terbabit biarpun secara kecil-kecilan.



Rosol melawat dan meraikan petugas secara kecil-kecilan di ECC, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, petang tadi. - NSTP/FOTO IHSAN KPDNHEP

Rosol berkata, pegawai dan anggota penguat kuasa ialah antara tunjang penting KPDNHEP dalam melaksanakan fungsi kementerian.

"Ketika orang lain dapat duduk di rumah bersama keluarga sepanjang PKP, warga penguat kuasa KPDNHEP tetap komited menjalankan tugas turun padang memantau barang keperluan dan harga barang serta menerima aduan awam.

"Saya berbesar hati kerana dapat turun melihat operasi Bahagian Penguat Kuasa, hari ini, dan pada masa sama, menzhirkir penghargaan atas komitmen mereka yang bekerja keras demi menjaga kepentingan pengguna, terutama ketika negara melalui tempoh PKP yang sudah masuk fasa ketiga ini.

"Walaupun Hari Penguat Kuasa KPDNHEP Ke-48 pada hari ini tidak dapat diraikan dengan meriah sebagaimana kebiasaan, saya berharap, mereka terus bersemangat menjalankan tugas dalam situasi mencabar ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyampaikan sumbangan makanan kepada petugas di Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC), Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, di pejabat kementerian itu, di sini, lewat petang tadi.

Yang turut hadir, Pengarah Penguat Kuasa, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, serta Timbalan Pengarah Penguat Kuasa, Azman Adam dan Low Swee Hon.

Rosol berkata, ECC yang beroperasi 24 jam telah menerima sejumlah 10,433 aduan sejak Januari lalu hingga hari ini.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, sebanyak 8,592 aduan sudah disiasat di mana sebahagian besar adalah mengenai harga barang, selain itu transaksi dalam talian, perkhidmatan mengelirukan, barang kawalan dan dagangan palsu.

"Ia bukan satu tugas mudah bagi mengendalikan sebegitu banyak aduan untuk diambil tindakan sewajarnya, apatah lagi penguat kuasa kita bekerja tanpa mengira waktu.

"Justeru, kita berharap, pengguna dapat bertolak ansur jika ada aduan yang mengambil sedikit masa untuk tindakan.

"Ini berikutan banyak prosedur siasatan perlu diperhalusi sebelum sesuatu tindakan boleh diambil," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678430/covid-19-hari-penguat-kuasa-ke-48-kpdnhep-disambut-hari-ini>

